

KENYATAAN DATUK BANDAR
MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI
MESYUARAT MAJLIS PENUH

25 JUN 2020

1. BIL CUKAI TAKSIRAN PENGGAL KEDUA TAHUN 2020

Dimaklumkan bahawa bil cukai taksiran bagi **Penggal Kedua Tahun 2020** akan mula diterima oleh pemilik premis di seluruh Seberang Perai secara berperingkat mulai **1 Julai 2020** dan pembayaran perlu dibuat sebelum atau selewat-lewatnya pada **31 Ogos 2020**.

Bagi mengekang penularan wabak Covid19 dan selari dengan pelaksanaan Norma Baharu Kaedah Bayaran Cukai Taksiran, MBSP menggalakkan supaya pemilik premis menyemak dan membuat bayaran secara atas talian melalui kaedah-kaedah pembayaran yang telah disediakan seperti berikut:

1. Semak dan bayar melalui laman web MBSP iaitu <https://mbsp.gov.my>
2. Terus ke Portal Rasmi MBSPPay iaitu <https://mbppay.mbsp.gov.my>
3. Perbankan internet seperti Maybank2u, CIMB Click dan sebagainya.
4. Bayaran melalui JomPay dengan menggunakan Biller Code:
5322
5. Portal e bayar Penang iaitu <https://ebayar.penang.gov.my>

(Pemilik dikehendaki menggunakan nombor akaun cukai taksiran semasa membuat transaksi bayaran. Sila rujuk bil-bil terdahulu untuk mendapatkan nombor akaun cukai taksiran anda. Untuk tatacara kaedah yang lebih lengkap, sila rujuk Facebook Majlis Bandaraya Seberang Perai bertarikh 18 Mac 2020 (*Tajuk: Kaedah Bayaran Cukai Taksiran MBSP Secara Online*)

Pembayaran cukai taksiran juga boleh dibuat di semua Kiosk PayQuik (Paylink) seluruh Malaysia, agen-agen sah yang telah dilantik serta di semua kaunter bayaran MBSP. Sebarang pertanyaan berkaitan bil cukai taksiran, sila hubungi 04-5497470 / 471 / 468 / 696 / 697 / 790 atau emel di waran@mbsp.gov.my

2. SAMBUTAN HARI ULANG TAHUN PERISYTIHARAN TAPAK WARISAN DUNIA

Di kesempatan ini juga saya ingin mengucapkan selamat menyambut Hari Ulang Tahun Perisytiharan Tapak Warisan Dunia yang bakal diraikan pada 7 Julai 2020 (Selasa). Oleh itu, hari tersebut merupakan hari kelepasan am.

3. SAMBUTAN HARI JADI YANG DIPERTUA NEGERI PULAU PINANG

Di kesempatan ini juga saya ingin mengucapkan Selamat Menyambut Sambutan Hari Lahir Tuan Yang Terutama Yang Dipertua Negeri Pulau Pinang yang bakal diraikan pada 11 Julai 2020 (Sabtu). Oleh itu, hari tersebut merupakan hari kelepasan am. Kami mendoakan kesejahteraan dan kesihatan yang baik dikurniakan kepada Tuan Yang Terutama Tun Dato' Seri Utama (Dr.) Haji Abdul Rahman Bin Haji Abbas, Yang Amat Berbahagia Toh Puan Dato' Seri Utama Hajah Majimor Binti Shariff dan seisi keluarga.

4. SELAMAT MENYAMBUT HARI RAYA AIDIL ADHA

Dikesempatan ini saya ingin mengucapkan Selamat Hari Raya Aidil Adha kepada semua umat Islam yang akan menyambutnya pada 31 Julai 2020 (Jumaat). Oleh itu, hari tersebut merupakan hari kelepasan am. Saya menyeru kepada semua pemandu yang memandu jarak jauh supaya berhati-hati semasa memandu, pastikan kenderaan berada dalam keadaan yang baik dan berhati-hati semasa di jalanraya dan dikehendaki mengamalkan SOP setiap masa.

SEKIAN, TERIMA KASIH.